

# Muslim Hitam Di Amerika

Makalah ini dari buah pena Dr. Ali Ahmad Ali yang dipetik dari Majalah *al- 'Arabī* Kuwait; dan

diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh saudara:

(Lokman Ahmad – Kaherah)

Gerakan “Muslim Hitam” ini munculnya di kota Chicago. Seorang bangsa Negro yang bernama al-Hājj Muhammad telah mendakwa beliau telah menerima wahyu dari Tuhan memerintahkan supaya ia bergerak untuk menyelamatkan kaumnya dari kezaliman dan perhambaan orang-orang kulit putih. Pengikut-pengikut al-Hājj Muhammad telah memberi gelaran kepadanya dengan nama “Rasul” dan “Pembasmi”. Gelaran ini diberikan kepadanya ialah dipandang dari segi bahawa beliau adalah seorang pembawa risalah suci kepada kaumnya untuk membasmi belenggu perhambaan dan membimbing mereka ke arena kemerdekaan dan kebebasan hidup, di samping berusaha untuk meninggikan taraf kehidupan masyarakat orang-orang kulit hitam.

Dalam masa yang singkat sahaja gerakan dan seruan al-Hājj Muhammad ini telah menjalar hingga ke luar kawasan kota Chicago. Banyak sekali bilangan orang-orang kulit hitam yang telah menganuti faham dan ajaran beliau. Kemudian seruannya ini menjalar pula sampai ke beberapa daerah di Amerika; di antara daerah-daerah yang telah dimasuki oleh seruan al-Hājj Muhammad ini ialah seperti daerah-daerah Harlem di kota New York, San Francisco, Los Angeles, juga sampai ke daerah Florida. Hingga kini jumlah orang-orang kulit hitam yang memeluk dan menganuti gerakan “Muslim Hitam” ini telah meningkat ke angka setengah juta jiwa.

Al-Hājj Muhammad telah menyeru kaumnya kepada agama Islam – agama persamaan, agama keadilan, agama yang tidak

mperbezakan warna kulit, agama yang tidak melebihi taraf kedudukan orang-orang kulit putih dari orang-orang kulit hitam, melainkan dengan kelebihan amalan dan takwanya.

Gerakan Muslim Hitam ini bolehlah dianggap sebagai suatu pergerakan pendidikan yang matlamatnya untuk meningkatkan taraf hidup orang-orang kulit hitam yang berada di seluruh benua Amerika, mendidik mereka ke arah kebaikan moral di samping menggalakkan mereka supaya mengubah cara hidup dalam perhambaan, membebaskan diri dari segala corak penindasan dan penzaliman yang dilakukan oleh orang-orang kulit putih dari sejak beberapa abad yang lampau.

Ajaran-ajaran yang dibawa oleh gerakan Muslimin hitam yang pertama ialah memimpin pengikut-pengikutnya supaya berkelakuan baik, jangan menghisap rokok, jangan minum arak sampai memabukkan. Gerakan Muslim Hitam berkehendak supaya setiap orang yang mengikuti ajaran-ajarannya yang suci mulia itu menumpukan segenap tenaga mereka kepada pelajaran dan ilmu pengetahuan; supaya dengan ilmu pengetahuan yang tinggi itu dapat dijadikan perantaraan untuk menambah pendapat dan meninggikan taraf hidup dan kebudayaan bangsa, dan akhirnya memaksa orang-orang kulit putih tunduk menghormati mereka.

Gerakan Muslim Hitam ini juga mempunyai undang-undang dan tata tertib hidup yang bersendirian seperti tentera; mereka mempunyai pakaian seragam (*uniform*) khas, berbaju kelabu, berseluar kelabu, berkemeja

putih dan tali leher berwarna merah, peraturan ini adalah untuk menyenangkan antara mereka sesama mereka mengenali antara satu sama lain dan untuk memperbezakan yang mana penganut-penganut ajaran al-Hājj Muhammad dan yang mana tidak. Mereka juga dikehendaki mencukur rambut di kepala dan tidak dibenarkan sama sekali membiarkan rambut-rambut mereka itu panjang.

Kaum wanita mereka adalah dijaga dengan cukup rapi. Tindakan ini diambil ialah dari kerana adanya tersebar berita-berita yang mengatakan bahawa wanita-wanita kulit hitam telah banyak yang terjerumus ke lembah kehinaan. Oleh itu wanita-wanita yang menjadi pengikut ajaran al-Hājj Muhammad diwajibkan mesti memakai pakaian serba putih, berbaju lengan panjang dan besar merebeh dan bertudung kepala.

Orang-orang Yahudi, terutama puak yang menggelarkan diri mereka "Liberalis" telah mencuba mendekati gerakan Muslim Hitam ini; mereka cuba meniupkan suatu seruan ke dalam jiwa orang-orang Muslim hitam itu dengan mendakwa bahawa mereka adalah dari golongan orang-orang yang menjadi pembela kaum yang hidup tertindas, mereka menunjuk-nunjukkan sifat kasihan belas terhadap orang-orang yang berkulit hitam dengan mengeluarkan kata-kata janji yang lemak manis bahawa mereka sanggup menolong segala kesukaran hidup yang sedang dihadapi oleh orang-orang kulit hitam itu; tetapi tujuan mereka yang sebenarnya ialah semata-mata hendak merosakkan gerakan Muslim Hitam dan untuk menguasai pimpinan-pimpinannya.

Tetapi gerakan Muslim Hitam mempunyai perisai yang kukuh untuk mempertahankan barisan mereka dari sebarang ancaman dan pencerobohan dari dalam dan luar; tujuan buruk atau niat jahat orang-orang Yahudi itu telah mereka sedari dan gerakan mereka selalu diawasi, oleh yang demikian pemimpinnya selalu memberi ingat kepada

sluruh pengikut-pengikutnya agar berhati-hati dan awas waspada terhadap segala hasutan dan tipu daya yang didatangkan oleh orang Yahudi dengan tujuan untuk menjahanamkan seruan-seruan suci yang dibawa oleh gerakan Muslim Hitam itu; lantaran itu seumum penganut-penganut gerakan Muslim Hitam telah menyerang dengan hebatnya orang-orang Yahudi Liberalis, sama ada melalui radio atau majalah yang ditulis dengan perkataan-perkataan yang pedas-pedas dan tajam. Majalah mereka itu bernama "Seruan Muhammad" atau dalam bahasa Inggerisnya "*Muhammad Speaks*".

Untuk memperbezakan keadaan hidup mereka dengan masa-masa yang telah lalu, maka mereka telah mengubah nama-nama asal mereka kepada nama-nama yang berbau Islam. Salah seorang daripada mereka telah ditanya: "Mengapa saudara mengubah nama saudara daripada William James kepada Muhammad Umar?" Sebagai jawapannya beliau menegaskan: "Perubahan ini saya lakukan ialah untuk melemparkan nama perhambaan yang telah diberikan oleh manusia berkulit putih, dan sebagai gantinya saya telah memilih nama yang berbau Islam ini untuk mengingatkan saat hampirnya saya terlepas dari cengkaman hidup perhambaan kepada hidup yang berdasarkan persamaan, keikhlasan dan kesucian.

Yang amat mendukacitakan terhadap penganut-penganut gerakan Muslim Hitam ini, ialah meskipun mereka menganggap bahawa mereka dari golongan orang-orang yang telah menganut agama Islam, tetapi cara-cara hidup mereka jauh sekali daripada mengikuti ajaran-ajaran agama Islam yang sebenar-benarnya. Mereka menganggap bahawa pemimpin mereka al-Hājj Muhammad ini sebagai pesuruh Tuhan yang menyampaikan ajaran-ajaran suci kepada mereka; banyak sekali fikiran-fikiran dan pendapat-pendapat mereka yang salah terhadap ajaran-ajaran agama Islam yang tulen sejati. Antaranya mereka mempercayai bahawa syaitan itu adalah berasal daripada manusia kulit

putih; oleh kerana mereka tersangat zalim terhadap orang-orang yang berkulit hitam lalu Tuhan menghukum mereka dengan membuang warna kulitnya yang asal, maka jadilah mereka syaitan-syaitan yang tidak berwarna.

Orang-orang Muslim Hitam itu menunaikan ibadah dan sembahyang mereka di tempat-tempat penyembahan (kuil-kuil), sambil mereka duduk beramai-ramai di atas sebuah bangku yang menyerupai bangku-bangku di gereja-gereja Kristian.

#### Seruan Dari Penulis

Melihat kepada keadaan mereka ini telah banyak memasukkan ajaran-ajaran yang salah terhadap Islam – agama yang mereka anuti – dengan perantaraan tulisan ini kami berharap kepada seumum umat dan pemimpin-pemimpin Islam yang bertanggungjawab di atas kesucian dan kemuliaan agama Islam agar dapat menyeru mereka ke arah ajaran-ajaran Islam yang

sebenar-sebenarnya demi untuk kemashlahatan dan membukakan mata hati mereka menikmati ajaran-ajaran Islam yang tulen sejati; sehingga mereka itu benar-benar mengetahui bahawa Islam itu adalah suatu agama yang paling tinggi, tiada suatu agama yang lebih tinggi dan lebih mulia dari agama Islam.

*Wallāhu waliyyu al-tawfīq..*

“Barang siapa ada padanya empat perkara nescaya ia menjadi munafik sungguh; dan barang siapa terdapat padanya perandai itu atau terdapat daripadanya satu daripada *nifāq*: sehingga ia meninggalkannya.” Empat perkara itu ialah: (1) apabila dipercayai ia khianat; (2) apabila berkata ia berdusta; (3) apabila membuat perjanjian ia mungkir, dan (4) apabila bertengkar ia melampaui batas (curang). – Hadith Nabi (S.A.W).

Sudah Terbit

Buku Baru

## Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz

Khalifah ‘Umar ‘Abd al-Azīz bukannya sahaja seorang Khalifah yang disegani oleh rakyat jelata di antara khalifah-khalifah Banī Umayyah, tetapi juga baginda adalah seorang Khalifah yang dipandang adil seadil-adilnya untuk menegakkan kebenaran dan hak sesudah Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb.

Bacalah riwayat hidupnya yang penuh dengan perjuangan menegakkan agama Allah, disusun dengan jalan bahasa yang mudah difaham dan senang dibaca oleh semua peringkat.

Pesannya dari sekarang

Harga sebuah

dari penerbitnya:

\$1.40

QALAM

356/8 Geylang Road Singapura 14.